



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38(b)

Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.

**PEGAWAI PERUNDANGAN SYARIAH TINGKAT KHAS (B.3)
JABATAN PERUNDANGAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

=====

Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di **Kementerian Hal Ehwal Ugama**.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.



PEGAWAI PERUNDANGAN SYARIAH TINGKAT KHAS
JABATAN PERUNDANGAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
B.3 (\$3,880 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Perundangan / Perundangan Islam / Perundangan Islam dan Guaman Syar'ie / Syariah (Perundangan Islam) atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.
2. Telah berkhidmat di Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai Pegawai Perundangan Syariah atau dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji B.2 EB.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
3. Mempunyai pengalaman dalam hal ehwal perundangan Islam dan pengetahuan yang baik tentang Undang-Undang Brunei, Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 dan Pentadbiran Undang-Undang dan Kehakiman Syar'ie.
4. Mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan bersih dari tapisan keselamatan dan tidak pernah dijatuhkan hukuman oleh Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah.
5. Mempunyai laporan penilaian prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Bertanggungjawab kepada Pengarah dan Penolong Pengarah;
2. Membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam hal ehwal pentadbiran harian;
3. Membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam sebarang persidangan atau mesyuarat di bawah Jabatan Perundangan Islam;



4. Membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam pelaksanaan seminar, kursus, bengkel dan lain-lain;
5. Membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam hubungan-hubungan luar;
6. Membantu Pengarah dan Penolong Pengarah dalam penyemakan draf undang-undang yang telah disediakan; dan
7. Tugas-tugas lain yang diarahkan Pengarah dan Penolong Pengarah dari semasa ke semasa.